

LBS DINOBAT SEBAGAI LIMA PEMAJU PERUMAHAN TERBAIK DI MDA 2023

Petaling Jaya, 25 Ogos 2023 – Pemaju perumahan terkemuka, LBS Bina Group Berhad (“LBS” atau “Kumpulan”) telah merangkul Anugerah Pemaju Perumahan Malaysia (“MDA”) 2023 untuk kategori bawah RM 1 bilion (5 Terbaik) buat kali kedua berturut-turut. Anugerah disampaikan oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan dan Kerajaan Tempatan disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi, Kumpulan Media Star, En Alex Yeow, kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LBS, En Lucas Lim Kim Kiat di majlis penganugerahan yang berlangsung di M Resorts & Hotel Kuala Lumpur kelmarin.

MDA merupakan suatu usaha sama di antara Kumpulan Media Star dan FIABCI-Malaysia dan menjadi penanda aras kecemerlangan bagi para pemaju hartanah untuk mendedahkan mereka ke peringkat antarabangsa di samping mengukuhkan industri hartanah Malaysia di peringkat global.

Pemenang dipilih oleh panel hakim yang bertauliah dan disahkan oleh juruaudit rasmi berdasarkan rekod prestasi korporat cemerlang syarikat serta piawaian pengurusan mereka yang tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif LBS, Datuk Wira Joey Lim berkata, “Kami teruja untuk menerima penganugerahan ini bagi tahun kedua berturut-turut. Seiring dengan matlamat kami sebagai “Pemaju Perumahan Rakyat,” LBS komited untuk melebihi serta memenuhi jangkaan pembeli dan memberikan hasil berkualiti tinggi yang akan memberi manfaat kepada semua. Usaha ini selaras dengan prinsip utama LBS yang berpaksikan elemen “Mampu Milik, Kesalinghubungan dan Komuniti”.

LBS membuahkan hasil positif untuk Q2FYE2023 baru-baru ini dengan PAT sebanyak RM36.7 juta, menyaksikan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 10.7%. Kumpulan telah memperoleh RM 1.09 bilion dalam jumlah jualan hartanah dan RM 373 juta tempahan pada 15 Ogos 2023. Angka-angka yang membanggakan ini merupakan bukti bahawa LBS berada di landasan yang betul untuk mengekalkan pendapatan penghujung tahun yang kukuh.

Diiktiraf di MDA bersama rakan industri yang lain memberi indikator bahawa LBS turut diangkat sebagai salah sebuah pemain industri utama dan peneraju di dalam sektor hartanah. LBS akan terus berkembang, dan rekod kewangan kami akan menjadi bukti kukuh kepada keupayaan Syarikat. LBS akan terus menawarkan produk inovatif dan terbaik yang akan memenuhi keperluan generasi semasa dan akan datang”.

-Tamat-